



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA

3 DISEMBER 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada Minggu Epidemiologi ke-47 (ME 47/2023) iaitu dari 19 November 2023 hingga 25 November 2023, sebanyak 3,626 kes COVID-19 telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 57.3 peratus, berbanding 2,305 kes yang dilaporkan pada ME 46/2023 (12 November 2023 hingga 18 November 2023). Majoriti kes (48.0 peratus) adalah terdiri daripada mereka yang berumur antara 20 hingga 40 tahun dan lebih 98.0 peratus adalah hanya bergejala ringan. Kes mingguan COVID-19 dikesan telah melepasi angka 1,000 kes pada setiap minggu sejak Minggu ME 41/2023 sehingga ke ME 47/2023 dengan kadar peningkatan antara 7.1 hingga 57.3 peratus.

Seterusnya, terdapat lapan (8) kluster COVID-19 yang masih aktif dilaporkan dengan sejumlah 121 kes terlibat dalam kluster tersebut. Jumlah kumulatif kluster yang dilaporkan sehingga ME 47/2023 adalah sebanyak 7,248. Majoriti kluster yang dilaporkan adalah kluster pendidikan.

Kadar kemasukan pesakit COVID-19 (termasuk pesakit yang disyaki COVID-19) ke fasiliti kesihatan meningkat kepada 2.9 bagi setiap 100,000 penduduk pada ME 47/2023 berbanding ME 46/2023. Pada ME 47/2023 pengisian katil Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 0.4 peratus, manakala peratus pengisian katil bukan kritikal COVID-19 pula adalah sebanyak 0.9 peratus. Peratusan pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) kekal pada 0.2 peratus.

Pada ME 47/2023, sebanyak empat (4) varian Omicron baharu dilaporkan yang kesemuanya terdiri daripada Variant of Concern (VOC). Jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan VOI adalah sebanyak 28,102 kes. Daripada jumlah yang dikesan tersebut, 27,297 kes adalah VOC manakala 805 kes adalah VOI. Bagi VOC, 72.8 peratus adalah terdiri daripada varian Omicron diikuti dengan 26.3 peratus daripada varian Delta dan selebihnya adalah varian Beta dan Alpha. Manakala bagi kes-kes VOI, 785 kes (97.5 peratus) *currently circulating* VOI (519 kes XBB.1.16 dan sublineages, 251 kes XBB.1.5 dan sublineages, serta 15 kes EG.5 dan sublineages) telah dilaporkan.

Baru-baru ini WHO telah melaporkan peningkatan varian Omicron baharu BA.2.86 yang pertama kalinya dilaporkan pada 24 Julai 2023. Ia juga diklasifikasikan sebagai Varian of Interest (VOI). Sehingga kini terdapat hampir 46 negara melaporkan varian BA.2.86. Walau bagaimanapun, tiada perubahan dari segi klinikal dan keterukan disebabkan oleh varian ini. Di Malaysia, sebanyak dua (2) kes BA.2.86 telah dilaporkan pada ketika ini. Kes tersebut dikesan melalui aktiviti saringan gejala di bawah program surveilan ILI/COVID-19 yang dijalankan di klinik kesihatan. Kedua-dua kes

tidak mempunyai sejarah ke luar negara dalam tempoh 14 hari sebelum gejala. Mereka telah dirawat sebagai pesakit luar dan dalam keadaan stabil.

Pada ME 47/2023, kadar konsultasi kes ILI di Klinik Kesihatan adalah 5.5%; menurun sebanyak 0.1% berbanding ME 46/2023. Manakala kadar kemasukan kes SARI di hospital adalah 8.5%; menurun sebanyak 0.3% pada ME 47/2023 berbanding ME 46/2023 iaitu 8.8%. Melalui aktiviti surveilan makmal yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) Sungai Buloh pada ME 47/2023 mendapati sebanyak 111 sampel ILI dikesan positif COVID-19 dengan kadar positif 13.0 peratus. Manakala sebanyak 20 sampel SARI dikesan positif COVID-19 dengan kadar positif hanyalah 3.5 peratus dari keseluruhan sampel. Hasil surveilan virus respiratori dalam negara pada ME 47/2023 mendapati 55 peratus sampel terdiri dari virus SARS-CoV-2, 26 peratus virus influenza A(H3), 14 peratus virus influenza A (H1N1), dan 5 peratus virus influenza B.

Walaupun terdapat peningkatan kes COVID-19 dicatatkan, namun keadaan adalah terkawal dan tidak membebankan fasiliti kesihatan sedia ada. Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus memantau situasi dan varian COVID-19 dari semasa ke semasa. Petugas kesihatan sama ada di fasiliti kesihatan awam dan swasta telah diminta untuk sentiasa berwaspada (*alert*) dengan peningkatan kes COVID-19 dan mempunyai *high index of suspicion* ke atas pesakit yang mempunyai gejala saluran pernafasan akut terutama terhadap golongan yang berisiko tinggi.

KKM juga ingin menasihati orang ramai supaya sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- Sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau pensanitasi;
- Bagi mereka yang mempunyai gejala dinasihatkan untuk berehat di rumah dan tidak pergi ke tempat tumpuan ramai. Sekiranya perlu ke tempat awam, adalah dinasihatkan untuk memakai pelitup muka dengan cara yang betul bagi mengelakkan penularan jangkitan;
- Kumpulan berisiko tinggi seperti warga emas, individu dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah, dan ibu mengandung juga digalakkan untuk memakai pelitup muka;
- Mengamalkan TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform, and Seek) sekiranya bergejala;
- Segera berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan bagi mendapatkan rawatan lanjut sekiranya gejala bertambah teruk terutama kepada kumpulan berisiko tinggi;
- Mendapatkan rawatan antiviral Paxlovid di Klinik Kesihatan terdekat bagi individu positif COVID-19 dan berisiko tinggi bagi mengurangkan risiko mendapat komplikasi jangkitan yang serius; dan
- Mendapatkan dos primer vaksin dan dos penggalak vaksin COVID-19 di Klinik Kesihatan bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan, morbiditi, dan kematian terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

KETUA PENGARAH KESIHATAN

3 DISEMBER 2023